

# Pengajaran Mikro: Impaknya Terhadap Pengajaran Guru

Mohd Khairezan bin Rahmat dan Badrul Isa  
Pensyarah, Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Shah Alam, Selangor  
khairezan@yahoo.com

**Abstrak:** Pengajaran mikro adalah satu bentuk latihan pengajaran yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada guru untuk menilai bentuk pengajaran mereka. Selain dari dapat menilai kaedah serta gaya pengajaran yang sesuai, sesi pengajaran mikro ini juga dilihat mampu menjadi pengukur kepada tahap pengetahuan dan persediaan guru sebelum mengendalikan pengajaran sebenar. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pengajaran mikro dalam persekitaran sebenar yang telah dilaksanakan didalam Projek Eksplorasi dan Aplikasi Multimedia dalam Dimensi Pendidikan 2006 yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar program Pendidikan Seni dan Senireka Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama Jabatan Multimedia Kreatif (Animasi) Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor. Sampel kajian adalah seramai 22 orang guru-guru semester akhir yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru-Guru (PKPG) yang mengambil jurusan multimedia interaktif. Kumpulan guru ini adalah merupakan guru-guru yang telah berpengalaman mengendalikan pengajaran di peringkat rendah. Perbezaan situasi, pelajar, tahap, media serta teknik pengajaran memerlukan pengajaran mikro dijalankan. Satu inventori pengajaran mikro telah digunakan dan didedahkan kepada sampel setelah pengajaran berlangsung bagi menjawab segala persoalan kajian. Dapatan dari kajian tersebut menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju bahawa menerusi pengajaran mikro ini, ianya mampu memberikan kesan positif dalam kemahiran perancangan, personaliti dan kemahiran mengajar mereka.

**Katakunci:** Pengajaran mikro, guru.

## Pengenalan

Penerapan pengajaran mikro dalam usaha mendidik bakal guru telah dicadangkan sejak dahulu lagi (Copeland, 1982). Hal ini telah disuarakan oleh tokoh-tokoh pendidikan yang percaya bahawa pengajaran mikro mampu memberikan impak yang maksima dalam pengajaran guru. Menurut Wilkinson (1996), menerusi pengajaran mikro bakal guru akan didedahkan dengan kemahiran asas seperti kemahiran merancang pengajaran, mengajar dan mengendalikan kelas. Malah, ia juga dilihat akan dapat membiasakan mereka dengan suasana persekolahan yang bakal dihadapi sepanjang latihan amali mahupun setelah menamatkan pengajian. Ini sekaligus akan mewujudkan suatu bentuk latihan klinikal yang akan menilai pengetahuan, kemahiran, kemampuan, sikap serta sifat peribadi seseorang guru. Ianya juga mampu serta wajar dilaksanakan sehingga kemahiran yang di tetapkan telah mampu dikuasai sepenuhnya. Meneurut Cruickshank et al. (1993) bentuk latihan pengajaran sebegini tidak hanya terhad kepada pembentukan kemahiran individual malah turut mampu mencakupi tindak balas dari keseluruhan kumpulan.

Selain dari itu, menerusi pengajaran mikro ini juga ia sedikit sebanyak akan dapat membentuk, mengaplikasi dan memperbaiki kemahiran serta kaedah pengajaran mereka. Gabungan kemahiran sedia ada, penilaian dan pemerhatian guru pembimbing serta rakan, refleksi secara individu diyakini akan dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti pengajaran pelajar. Menerusi pengajaran mikro ini juga, pelajar akan dapat mengetahui sebarang bentuk kelemahan yang perlu diatasi dan diperbaiki sebelum mereka melangkah ke situasi sebenar. Justeru itu kajian ini bakal melihat kesan serta impak pengajaran mikro keatas pengajaran guru. Namun begitu fokus utama hanya akan hanya diberikan kepada tiga aspek utama iaitu kemahiran merancang, personaliti guru dan kemahiran mengajar mereka.

## Permasalahan Kajian

Pengajaran mikro adalah merupakan satu bentuk latihan pengajaran yang sistematik. Menurut Oliver (1993) pengajaran mikro mencakupi bentuk persediaan yang perlu dikuasai sepenuhnya oleh bakal guru sebelum sesi pengajaran di situasi sebenar berjalan. Menerusinya, guru pelatih akan diminta untuk mengendalikan pengajaran di situasi sebenar sambil diperhatikan dan dinilai oleh penyelia. Walaupun ia merupakan satu bentuk latihan, namun persekitaran, situasi dan penerimanya haruslah berada dalam keadaan sebenar bagi memastikan impaknya lebih berkesan. Selain dari memberikan pengalaman dan keserasian, ianya juga dilihat akan dapat memberikan keyakinan yang tinggi di kalangan pelajar di dalam pengendalian pengajaran mereka. Menurut Simbo (1996), objektif utama pengajaran mikro adalah bagi

memberikan pendedahan kepada bakal guru berhubung perkara-perkara penting yang perlu dikuasai sebelum pengajaran sebenar berlaku.

Menerusi pemerhatian, pamatan dan penyertaan bakal guru dalam sesi pengajaran mikro, ianya akan dapat memberikan pendedahan berhubung teknik, kaedah serta pendekatan terbaik yang wajar dikendalikan sewaktu sesi pengajaran (Jerich, 1988). Selain dari itu, pengajaran mikro juga bertujuan untuk memberikan keyakinan, keserasian, semangat dan pengalaman sesama pelajar dan rakan sekaligus mendedahkan pelajar kepada persekitaran sebenar yang bakal dihadapi selepas menamatkan pengajian mereka (Oliver, 1993).

Pengabaian latihan pengajaran mikro ini dipercayai telah memberikan kesan ke atas tahap pengajaran dan kesediaan guru di dalam memulakan pengajaran. Tambah memburukkan lagi keadaan pengajaran mikro yang dianggap tidak penting ini telah memberikan kesan negatif dan kurang menyenangkan sewaktu latihan amali berlangsung. Hal ini telah dinyatakan oleh Simbo (1996) yang mendapati bahawa sewaktu latihan amali dilaksanakan, pelajar dilihat tidak memberikan perhatian ke atas aspek-aspek penting. Mereka lebih memberikan perhatian kepada kehendak penyelia hingga terlupa aspek-aspek penting khususnya perancangan dan pengendalian pengajaran mereka. Ini telah membuatkan mereka seolah-olah berlakon dan sentiasa berwaspada dengan segala gerak laku mereka. Malah mereka juga dilihat gugup dan gemetar sewaktu mengendalikan pengajaran dan ada diantara mereka dilihat gagal mengikuti segala perancangan yang telah dibuat dan dicatatkan dalam buku rancangan pengajaran.

Justeru itu, kajian ini akan memberikan perhatian keatas kepentingan pengajaran mikro di dalam menyediakan bakal guru dengan aspek-aspek penting sebelum mengikuti latihan amali mahupun sebelum menamatkan pengajian mereka. Fokus hanya akan diberikan kepada tiga aspek utama di dalam menilai keberkesanan pengajaran mikro tersebut iaitu kesannya ke atas kemahiran merancang, pembentuk personaliti dan kemahiran mengajar mereka. Pemilahan tiga aspek utama ini dilihat menjadi asas terpenting yang perlu dikuasai sepenuhnya oleh seorang bakal guru sebelum mereka memulakan pengajaran.

## **Latarbelakang Kajian**

Kertas kerja ini merupakan hasil dapatan yang telah diperolehi menerusi satu program latihan guru yang dinamakan Projek Eksplorasi dan Aplikasi Multimedia dalam Dimensi Pendidikan 2006. Projek yang dijalankan ini adalah merupakan usaha sama diantara Program Pendidikan Seni dan Senireka Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama Jabatan Multimedia Kreatif (Animasi) Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor. Selain itu, ia juga merupakan sebahagian daripada keperluan teras kursus bagi matapelajaran Peningkatan Rekabentuk Pengajaran (*Teaching Design Enhancement*). Menerusi matapelajaran ini, setiap pelajar dikehendaki untuk mengendalikan satu sesi pengajaran mikro berdasarkan topik-topik pengajaran yang ditentukan. Kesemua mereka telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil yang terdiri dari empat pelajar yang akan mengendalikan sesi pengajaran selama 45 minit setiap seorang.

Sesi pengajaran mikro yang dilaksanakan menerusi satu projek yang dinamakan Projek Eksplorasi dan Aplikasi Multimedia dalam Dimensi Pendidikan 2006 ini telah berlangsung selama empat minggu. Sebelum sesi pengajaran mikro ini bermula, para pelajar telah diberikan penerangan, pendedahan dan gambaran sebenar apa yang bakal di laksanakan. Mereka telah diingatkan tentang bentuk penulisan rancangan pengajaran, kaedah-kaedah pengajaran, aktiviti, pengendalian kelas dan segala yang berkaitan dengan persediaan pengajaran mereka.

## **Persampelan Kajian**

Sampel kajian terdiri daripada 22 orang guru-guru semester akhir yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru-Guru (PKPG) jurusan multimedia interaktif. Kumpulan guru ini adalah merupakan guru-guru yang mempunyai pengalaman lebih dari 6 tahun di dalam mengendalikan pengajaran di peringkat rendah dan memiliki Diploma Perguruan dan Sijil Guru yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun begitu perbezaan situasi, pelajar, tahap, media serta teknik pengajaran dirasakan perlunya pengajaran mikro dijalankan memandangkan guru-guru ini bakal ditempatkan di sekolah menengah mahupun kolej-kolej kerajaan seperti Kolej-kolej Komuniti.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pengajaran mikro keatas pelajar-pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) jurusan Multimedia Interaktif yang mengikuti Projek Eksplorasi dan Aplikasi Multimedia dalam Dimensi Pendidikan 2006. Skop kajian serta penekanan akan hanya akan menjurus kepada kesan pengajaran mikro yang dijalankan ketas kemahiran perancangan, personaliti dan kemahiran mengajar guru.

## Instrumen Kajian

Satu inventori pengajaran mikro telah digunapakai dan diedarkan kepada sampel kajian diakhir sesi pengajaran mereka. Inventori yang dipermudahkan dari instrument yang telah direka dan digunapakai oleh Ameena (2003) di dalam menentukan keberkesanan pengajaran mikro keatas guru. Nilai kebolehpercayaan dan kesahan instrument ini adalah 0.91 (Ameena, 2003). Selain itu inventori yang turut memberikan fokus kepada kemahiran perancangan, personaliti dan kemahiran mengajar guru ini juga telah diuji kebolehpercayaannya dengan nilai alpha yang tinggi bagi persoalan di setiap kategori (Jadual 1).

Kategori Pengujian	Nilai Alpha
Persoalan Kemahiran Merancang	0.88
Persoalan Personaliti Guru	0.86
Persoalan Pengajaran Guru	0.84

Jadual 1: Nilai Alpha Kebolehpercayaan bagi setiap Persoalan Kajian Mengikut Kategori Pengujian

## Dapatan Kajian

Dapatan dari kajian ini telah dipecahkan kepada tiga kategori utama iaitu kemahiran perancangan, personaliti dan kemahiran mengajar mereka. Ianya akan dianalisa menggunakan peratusan berdasarkan penilaian Skala Likert empat mata pada borong soal selidik yang diedarkan. Ianya merangkumi pemilihan jawapn 'Sangat Setuju', 'Setuju', 'Tidak Setuju' dan 'Sangat Tidak Setuju'.

### Kemahiran Merancang

Dapatan kajian seperti yang dipaparkan menerusi Jadual 2 menunjukkan bahawa pengajaran mikro yang telah dijalankan telah berjaya membantu mereka di dalam kemahiran merancang informasi dan maklumat yang berkaiatan dengan topik pembelajaran (85.7%). Selain itu, menerusi pengajaran mikro ini mereka telah berjaya merancang pengajaran mereka berdasarkan objektif pengajaran (84.9%) dan merancang bentuk penilaian yang bakal dibuat (84.2%). Malah 81.5 peratus pelajar bersetuju bahawa pengajaran mikro ini telah berjaya mendedahkan mereka kepada kemahiran merancang pengenalan, strategi dan penutupan pengajaran yang berkesan. Dapatan lain juga telah memperlihatkan peratus yang tinggi berdasarkan kemahiran merancang berdasarkan penghasilan rancangan pengajaran yang fleksibel berdasarkan tahap kemahiran pelajar (79.2%), penyediaan maklumat yang berkaiatan berdasarkan aktiviti dan tugas (74.8%) dan penentuan jenis atau bentuk tugas dan latihan yang berkaiatan (71.5%).

Persoalan yang dikemukakan (Kemahiran Merancang)	Peratus (%) guru yang memberikan jawapan Setuju dan Sangat Setuju
Penentuan informasi dan maklumat yang berkaiatan	85.7
Perancangan pengajaran berdasarkan objektif pengajaran	84.9
Perancangan penilaian yang berkaiatan	84.2
Perancangan pengenalan, strategi dan penutup pengajaran yang berkesan	81.5
Penghasilan rancangan pengajaran yang fleksibel berdasarkan tahap kemahiran pelajar	79.2
Penyediaan maklumat yang berkaiatan berdasarkan aktiviti dan tugas yang dijalankan	74.8
Penentuan jenis atau bentuk tugas dan latihan yang berkaiatan	71.5

Jadual 2: Dapatan Kajian bagi Persoalan Berdasarkan Kemahiran Merancang Pelajar

### Personaliti Guru

Bagi melihat kesan pengajaran mikro keatas personaliti guru, beberapa persoalan telah dikemukakan dan dilaporkan di dalam Jadual 3 dibawah. Dapatan kajian mendapati 86.4 peratus pelajar berkeyakinan bahawa pengajaran mikro telah berjaya membantu mereka di dalam memastikan tumpuan penuh pelajar sebelum dan semasa pengajaran berjalan. Mereka juga mendapati ianya turut memberi kesan keatas sifat hormat dan berjenaka mereka berasama pelajar (77.8%) dan ini sekaligus telah berjaya merangsang dan mendorong penglibatan sepenuhnya dari pelajar (76.7%). Selain itu, pengajaran mikro yang dijalankan ini telah menggalakan mereka untuk bertanya dan bersoal jawab bersama pelajar (75.7%) dan menerima idea serta pandangan yang konstruktif dari pelajar (70.6%). Malah menerusi pengajaran mikro ini mereka telah berjaya memberikan galakkan kepada pelajar untuk mengulas dan menghuraikan keseluruhan pelajaran (67.7%). Tambah menarik 65 peratus pelajar bersetuju bahawa mereka telah menggunakan sepenuhnya masa pengajaran yang ditetapkan dengan berkesan.

Persoalan yang dikemukakan (Personaliti Guru)	Peratus (%) guru yang memberikan jawapan Setuju dan Sangat Setuju
Memastikan tumpuan penuh pelajar sebelum dan semasa pengajaran berjalan	86.4
Menunjukkan sifat menghormati dan berjenaka bersama pelajar	77.8
Merangsang dan mendorong penglibatan dari pelajar	76.7
Menggalakan pertanyaan dan persoalan dari pelajar	75.7
Menerima idea serta pandangan yang konstruktif dari pelajar	70.6
Menggalakan pelajar mengulas dan menghuraikan keseluruhan pengajaran	67.7
Menggunakan sepenuhnya masa pengajaran yang berkesan	65.0

Jadual 3: Dapatan Kajian bagi Persoalan Berdasarkan Personaliti Guru

### Kemahiran Mengajar

Pengajaran mikro yang dijalankan juga telah memberikan kesan keatas kemahiran mengajar pelajar. Ini dapat dilihat menerusi dapatan kajian seperti yang dilaporkan dalam Jadual 4 dibawah. Majoriti pelajar bersetuju bahawa mereka telah mampu menyediakan pelajar dengan maklumbalas yang penting (86.0%), menyediakan persoalan yang berkaiatan dengan objektif pembelajaran (84.8%), menggunakan sepenuhnya alat bantu mengajar yang disediakan (83.7%) dan telah berjaya memantau perkembangan pelajar (83.1%). 82.5 peratus pelajar telah berpendapat mereka telah bersyarah dengan suara yang jelas, bersemangat dan meyakinkan, memberikan maklumat dan arahan yang jelas kepada pelajar (80.2%), memperlihatkan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi terhadap topik pengajaran (78.2%), mengaitkan topik pembelajaran dengan pembelajaran lepas (76.2%) dan menggunakan sepenuhnya media serta bahan pengajaran (72.0%).

Persoalan yang dikemukakan (Kemahiran Mengajar)	Peratus (%) guru yang memberikan jawapan Setuju dan Sangat Setuju
Menyediakan pelajar dengan maklumat yang penting	86.0
Menyediakan persoalan yang berkaitan dengan objektif pembelajaran	84.8
Menggunakan sepenuhnya alat bantu mengajar	83.7
Memantau perkembangan pelajar	83.1
Bersyarah dengan suara yang jelas, bersemangat dan meyakinkan	82.5
Memberikan maklumat dan arahan yang jelas kepada pelajar	80.2
Memperlihatkan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi terhadap topik pengajaran	78.2
Mengaitkan topik pembelajaran dengan pembelajaran lepas	76.2
Menggunakan sepenuhnya media serta bahan pengajaran	72.0

Jadual 4: Dapatan Kajian bagi Persoalan Berdasarkan Personaliti Guru

## Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan dari persoalan kajian ini telah menunjukkan majoriti pelajar yang terlibat bersetuju bahawa pengajaran mikro telah berjaya membantu mereka di dalam ketiga-tiga aspek kemahiran yang dikaji. Bagi kemahiran merancang, pelajar bersetuju bahawa ianya telah berjaya membantu mereka di dalam merancang informasi dan maklumat yang berkaitan dengan topik pembelajaran.

Ini jelas dapat dilihat menerusi keputusan yang diperolehi dari aspek kemahiran merancang pelajar. Keputusan ini selari dengan dapatan kajian oleh Flick (1993) yang bersetuju bahawa pengajaran mikro adalah merupakan kaedah terbaik dan efektif dalam membantu guru mencapai keyakinan dan memperbaiki kemahiran mengajar mereka. Ini turut dikukuhkan lagi dengan pendapat dari Eley dan Hess (1992) yang berpendapat pengajaran mikro bakal memperlihatkan serta menjelaskan tugas pengajaran yang mudah seperti arahan dan petunjuk dalam pemberian tugas dan aktiviti kepada pelajar. Malah Metcalf et al. (1996) turut menekankan bahawa pengajaran mikro akan memberi peluang kepada guru di dalam memperbaiki kemahiran merancang pengajaran mereka.

Selain itu, pengajaran mikro juga dilihat telah membantu guru di dalam membentuk personaliti yang lebih baik. Ini dapat dilihat menerusi dapatan kajian yang menunjukkan bahawa pengajaran mikro telah mampu menyediakan pelajar dengan maklumat, menyediakan persoalan yang berkaitan, menggunakan sepenuhnya alat bantu mengajar dan telah berjaya memantau perkembangan pelajar. Dapatan ini telah disokong oleh pendapat dari Pauline (1993) yang menyatakan bahawa pengajaran mikro telah membantu guru di dalam memperlihatkan sikap bertanggungjawab dan keperihatinan mereka terhadap pengajaran mereka. Pendapat yang sama juga telah turut ditegaskan oleh Eley dan Hess (1992) yang berpendapat bahawa pengajaran mikro telah berjaya membantuk dan menunjukkan sahsiah guru yang baik.

Satu kajian berhubung keberkesanan pengajaran mikro keatas pelajar dan guru penyelia telah dijalankan oleh Methen (1995). Hasil kajian beliau mendapati bahawa 72% responden pelajar dan 82% responden guru penyelia bersetuju bahawa pendekatan pengajaran mikro telah memberikan kesan positif keatas pelajar. Keputusan ini jelas dapat dilihat menerusi peningkatan pemilihan dan penentuan kaedah pengajaran yang berkesan sebelum memulakan pengajaran.

## Kesimpulan

Pengajaran yang berkesan dan efektif sering kali ditegaskan di dalam melahirkan seorang guru yang berkualiti (Metcalf, 1996). Guru perlu menguasai pelbagai kemahiran bagi memastikan mereka mampu menyalurkan maklumat dengan baik dan berkesan. Menurut Flick (1993), walaupun pengajaran mikro bukanlah merupakan bentuk pengajaran sebenar seperti apa yang bakal dijalankan oleh guru, namun ia sedikit sebanyak telah berjaya membantu guru di dalam meningkatkan pelbagai kemahiran. Pengalaman mengendali dan mengikuti pengajaran mikro dilihat telah membantu di dalam memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran guru. Ini jelas dapat dilihat menerusi dapatan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Flick (1993); Eley dan Hess (1992); Metcalf et al. (1996); Pauline (1993); Methen (1995). Menerusi dapatan kajian ini dan seperti kajian yang telah dijalankan oleh Ameena (2003), pengajaran mikro dilihat telah membantu

pelajar di dalam kemahiran merancang, perbentukan personaliti dan kemahiran pengajaran guru. Tidak kurang dengan itu, pengajaran mikro juga dilihat telah berjaya mengenegah dan membentuk suatu suasana pengajaran yang kondusif dan efektif berdasarkan kemampuannya mengurang serta meminimakan tahap kerisauan dan kegugupan pelajar. Namun begitu, pengajaran mikro tidak boleh dianggap sebagai jalan penyelesaian di dalam menyelesaikan segala permasalahan persediaan guru.

## **Bibliografi**

- [1] Copeland, W., 1982. Laboratory Experiences in Teaching Education. In H. Mitzel (Ed.), Encyclopedia of Educational Research. New York: The Free Press.
- [2] Cruickshank, D.R. dan Metcalf, K. 1993. Improving Preservice Teacher Assessment through On-Campus Laboratory Experiences. *Theory and Practice* 32: 86-92.
- [3] Eley, R. K. dan Hess, C.A., 1992. Effects of Videotaping on Pre-Service Teacher Performance. SP 033 886 ED 348 338.
- [4] Flick, L.B., 1993. The Meaning of Hands-On Service. *Journal of Education* 4(1).
- [5] Jerich, K., 1988. Using a Supervision Model for Microteaching Experience. *Action in Teacher Education* 11(3).
- [6] Metcalf dan Kim, 1996. Alternative to Field-Based Experiences: The Comparative effects of On-Campus Laboratories. *Teaching and Teacher Education* 12(3): 271-283.
- [7] Oliver, J.S., 1993. Using Organized Distractions in Microteaching with Pre-Service Science Teachers. *Journal of Science Teacher Education* 4(3): 77-78.
- [8] Pauline, R.F. 1993. Microteaching: An Integral Part of a Science Methods Class. Paper presented at the International Convention of the Association for the Education of Teachers in Science. ED 360 161.
- [9] Wilkinson G.A., 1996. Enhancing Microteaching Through Additional Feedback From Preservice Administrators. *Teaching and Teacher Education* 12(2): 221-221.